

23 AUG 2000

SAID-Tamat/I

SAID 2000 SETUJU GUNA INTERNET UNTUK ALIRAN MAKLUMAT

Oleh: Mohd Arshi Daud

MAPUTO (Mozambique), 23 Ogos (Bernama) -- Dasar 'makmurkan jiran' dalam Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) mara satu lagi langkah ke hadapan dengan negara-negara anggota bersetuju untuk meneroka Internet bagi pertukaran maklumat.

Membaca kenyataan semasa sesi penamat SAID malam tadi, presiden tuan rumah tahun ini Joaquim Alberto Chissano dari Mozambique berkata, pusat-pusat perkongsian pintar negara-negara anggota SAID boleh diperkukuhkan melalui perangkaan web.

Keterkaitan pusat-pusat ini dengan pusat Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) di London bagi pertukaran pengalaman, data dan maklumat akan membenarkan aliran maklumat dengan cekap di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa, katanya.

CPTM ialah sebuah pertubuhan bukan keuntungan yang menggalakkan peluang-peluang dan kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam ekonomi-ekonomi yang sedang muncul.

Chissano menyeru supaya diadakan komunikasi-e antara pusat-pusat kebangsaan, CPTM dan rakan-rakan perniagaan untuk memudahkan hubungan perniagaan dan pertukaran pengalaman dalam menjalankan perniagaan.

Beliau berkata, satu bank data akan diwujudkan mengenai rakan-rakan perkongsian pintar dan persekitaran alam sekitar di setiap negara anggota perkongsian pintar.

Kajian-kajian kes dalam menjalankan perniagaan di selatan Afrika juga akan dikumpulkan, dengan pengalaman ahli-ahli perniagaan Malaysia dijadikan contoh pertama, katanya.

Untuk menangkis laporan berat sebelah oleh media barat, SAID 2000 juga telah memutuskan mengenai penubuhan sistem elektronik untuk mencapai terus berita daripada sumber berbanding berita elektronik, kata Chissano lagi.

Antara pemimpin yang menghadiri SAID 2000 ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe, presiden Namibia Dr Sam Nujoma dan presiden Uganda, Yoweri Museveni.

SAID diasaskan berdasarkan mesyuarat perkongsian pintar Dialog Antarabangsa Langkawi.

SAID 2000 keempat yang berlangsung selama tiga hari berakhir semalam. SAID pertama berlangsung di Kasane, Botswana pada 1997, diikuti di Swakopmund, Namibia pada tahun berikutnya dan Victoria Falls, Zimbabwe tahun lepas. Tuan rumah bagi SAID berikut ialah Uganda.

-- BERNAMA

MAD PR